

06 OCT 1996

Mahathir-amanat

JADIKAN UMNO DEMOKRATIK DAN BERSIH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak anggota Umno menjadikan perhimpunan agung parti itu Rabu ini sebagai titik pembaharuan membangunkannya menjadi parti yang benar-benar demokratik dan bersih daripada rasuah serta kekotoran untuk menghasilkan satu bangsa yang mulia.

Perdana Menteri berkata sebagai parti yang demokratik, pintu Umno terbuka luas kepada setiap rakyat, tidak kira miskin atau kaya, yang ingin mengambil bahagian dalam politik negara berdasarkan kebolehan dan keupayaan.

"Umno harus bersih supaya perjuangannya akan menghasilkan satu bangsa yang mulia yang dihormati dan disanjung bukan saja kerana kejayaannya tetapi juga kerana tamadun yang tinggi yang didirikan olehnya," kata beliau.

Beliau berkata demikian dalam teks amanatnya selaku Presiden Umno sempena Perhimpunan Agung Umno 1996 yang diedarkan hari ini pada taklimat media oleh Setiausaha Agung Umno Datuk Mohamed Rahmat menjelang perhimpunan agung parti itu, di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dr Mahathir berkata perhimpunan agung kali ini berlainan dari yang sebelumnya kerana dalam pemilihan ahli Majlis Tertinggi, jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan dan MT mengadakan beberapa peraturan tertentu untuk mengawal gejala "politik wang".

Sambil menyifatkan bahaya politik wang sebagai barah, Dr Mahathir berkata gejala itu boleh mengakibatkan kepimpinan negara terdiri daripada mereka yang tidak bermoral atau penjenayah.

Katanya Umno perlu bersih dan demokratik kerana negara memerlukan kepimpinan yang bermoral tinggi bagi menangani masalah sepertikeruntuhan akhlak yang melanda masyarakat akibat diserang kemewahan yang datang secara mendadak hasil pertumbuhan pesat ekonomi negara.

"Akibat kemewahan yang datang mendadak hasil pertumbuhan pesat ekonomi negara, masyarakat kita diserang gejala keruntuhan akhlak yang serius sehingga berlaku amalan yang tidak baik seperti penyalahgunaan dadah, bohsia dan pembuangan anak. Termasuk dalam senarai ini ialah politik wang dan rasuah politik di kalangan ahli-ahli Umno," katanya.

Sementara kemajuan ekonomi tidak harus disekat, perkembangan gejala runtuh akhlak harus disekat dan kemudian menyemai nilai dan akhlak yang mulia yang boleh menjadi benteng menghalang nafsu, kata beliau.

Dalam menangani gejala politik wang, pemimpin lain telah berkali-kali menyebut mengenai masalah itu dan Umno telah mengadakan Perhimpunan Agung Khas pada 1994.

"Tetapi masalah ini tidak juga dapat diatasi bahkan seolah-olah telah menjadi satu institusi," katanya.

Dr Mahathir berkata dalam keadaan demikian kepimpinan parti terpaksa bertindak tegas menghapuskan politik wang kerana akhirnya ia akan "meletakkan kita dalam keadaan cemas dan bahaya dan bukan sahaja kepada parti tetapi juga bangsa dan negara."

Oleh demikian, MT bagi pemilihan kali ini terpaksa membuat peraturan tegas mengawal kempen dan politik wang, kata Dr Mahathir.

Beliau berkata semua yang dilakukan adalah semata-mata kerana hendak memelihara demokrasi dalam parti.

"Demokrasi yang kita amalkan ialah yang memberi hak dan peluang kepada semua pihak, tidak mengira kedudukan dan pangkat, untuk dipilih menjadi

pemimpin dan memilih pemimpin."

Demokrasi dalam parti tidaklah bermakna mereka yang mampu menggunakan wang untuk membeli saja yang berpeluang menjadi pemimpin, katanya.

Dr Mahathir berkata bahawa peraturan-peraturan tersebut dibuat kerana "kita berhasrat menanam satu budaya baru dalam parti, iaitu budaya dan nilai kejujuran dan keikhlasan dalam memperjuangkan matlamat parti."

Katanya nilai dan budaya tersebutlah yang dipegang oleh pejuang kemerdekaan dahulu sehingga berjaya menumpaskan Malayan Union dan merebut kemerdekaan.

"Pada masa itu, tiada rebutan untuk pangkat atau wang ringgit, tiada masalah yang dihadapi walaupun pemilihan MT diadakan tiap tahun."

Dan seseorang pemimpin selagi ia setia dan dapat menjalankan tugas, akan kekal dengan jawatannya dan hanya digugurkan hanya apabila ia membelakangkan parti.

Dr Mahathir berkata Umno, parti politik terbesar di rantau ini yang dianggotai lebih dua juta rakyat Bumiputera, berjaya memegang kuasa sejak kemerdekaan kerana tiada berlaku rebutan jawatan melalui rasuah dan "politik wang" sehinggalah pada tahun 1987 apabila ia diharamkan akibat rebutan.

"Kita tidak serik dengan peristiwa yang ngeri itu. Sebaliknya kita mengamalkan cara-cara kotor secara lebih terbuka."

Beliau bersyukur Umno berjaya dipulihkan selepas itu tetapi jika sesuatu malapetaka berlaku sekali lagi pada Umno "saya tidak percaya kita akan dapat menyelamatkannya lagi."

Dr Mahathir mengingatkan anggota Umno bahawa perjuangan mereka belum selesai.

"Jangan terpukau sangat dengan prestasi negara sehingga percaya tidak ada malapetaka boleh menimpanya," kata beliau.

Walaupun ekonomi negara lebih baik dari dahulu, ia belum cukup kukuh sehingga boleh maju dengan sendirinya dan ia masih memerlukan pemimpin, masih perlu dipupuk dan dipelihara.

"Jika sesuatu terjadi kepada pihak yang memimpin dan memelihara sekarang, yakinlah bahawa ekonomi dan taraf hidup kita akan menggelungsur balik ke takuk yang lama," katanya.

Dr Mahathir berkata oleh kerana peraturan MT bagi mengawal kempen dan politik wang baru pertama kali dibuat, pelbagai tafsiran dan andaian dibuat oleh sesetengah ahli parti.

"Walaupun tiada mana-mana peraturanpun yang sempurna sepenuhnya, ia bagaimanapun terbukti berkesan dari segi mengurangi dan membatasi kemungkinan pihak-pihak tertentu mengambil kesempatan menggunakan cara dan kaedah kotor seperti menyogok wang untuk mempengaruhi keputusan pemilihan pemimpin," katanya.

Beliau berkata peraturan itu dikuatkuasa tanpa memilih bulu dan bukan untuk memelihara kepentingan orang tertentu yang tidak perlu bertanding kerana tempatnya sudah terjamin, tetapi kerana peraturan lama jelas tidak berkesan.

Ia juga merupakan usaha untuk membawa perubahan dalam budaya parti serta menjadi bukti kesungguhan dan tekad parti menangani masalah dalaman parti yang amat bahaya.

Dalam amanatnya yang juga diedarkan kepada wakil media, Mohamed berkata langkah-langkah MT mengawal politik wang setakat ini telah berkesan walaupun tidak sepenuhnya.

"MT akan terus berusaha bersungguh-sungguh tanpa memilih kasih dalam membanteras gejala ini pada masa hadapan hingga batang tubuh parti itu bersih daripada penyakit tersebut," katanya.

Sebanyak 1,884 orang perwakilan layak ke Perhimpunan Agung Umno kali ini. Mereka terdiri daripada 1,740 orang wakil bahagian, 44 anggota Majlis

Tertinggi, dan masing-masing 30 orang daripada Pergerakan Pemuda dan Wanita.--BERNAMA

ZKS MAI